



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGANSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

SIARAN MEDIA

KENYATAAN BERHUBUNG PENANGGUHAN PERKHIDMATAN BAS SMART SELANGOR DI KAWASAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA (MBSJ)

KUALA LUMPUR, 26 Mei 2025 – Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) ingin menarik perhatian semua pihak berhubung isu ketiadaan dan penangguhan sementara perkhidmatan bas berhenti-henti Smart Selangor di lima (5) laluan dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), iaitu SJ01, SJ02, SJ03, SJ04 dan SJ05, seperti yang telah dilaporkan oleh media baru-baru ini.

Media melaporkan bahawa aktiviti harian penduduk dan pengguna di sekitar Subang Jaya telah terjejas akibat ketiadaan perkhidmatan bas di laluan-laluan berkenaan, sehingga memaksa mereka menggunakan alternatif pengangkutan lain yang menyebabkan peningkatan kos perjalanan. Terdapat juga dakwaan bahawa situasi ini berpunca daripada kelewatan pihak APAD memproses permohonan yang dikemukakan oleh pengendali terlibat, sehingga memakan masa hampir dua (2) bulan.

Sebagai agensi kawal selia pelesenan dan perkhidmatan pengangkutan awam darat, APAD memandang serius perkara ini. Hasil siasatan dan semakan mendapati bahawa pihak pengendali, iaitu Syarikat SKS Coachbuilders Sdn. Bhd., telah lewat mengemukakan permohonan kepada APAD. Permohonan tersebut hanya diterima oleh APAD pada 25 dan 26 April 2025.

Sebanyak lima (5) permohonan telah diterima daripada pihak SKS Coachbuilders dan kesemuanya diproses mengikut prosedur operasi standard (SOP), kriteria serta syarat kelulusan yang telah ditetapkan. Permohonan-permohonan ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan (eJKP) pada 8 Mei 2025 dan telah diberikan Kelulusan Bersyarat.

APAD ingin menegaskan bahawa permohonan tersebut telah siap diproses dalam tempoh yang lebih singkat, iaitu kurang daripada 14 hari bekerja, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Piagam Pelanggan APAD bagi permohonan baharu permit.

Namun begitu, terdapat beberapa kriteria dan syarat yang masih belum dipenuhi oleh pemohon. Antaranya ketidakpatuhan bagi pemasangan **Global Positioning System (GPS)** dan Surat Tawaran Kelulusan (STK) yang belum dilesenkan. Justeru, permohonan tersebut telah diluluskan secara bersyarat pada 8 Mei 2025 dan pemohon telah diberikan peluang untuk melengkapkan keperluan yang ditetapkan sebelum kelulusan penuh dapat diberikan.

Pada 15 Mei 2025 pemohon telah mengemukakan maklumbalas dengan melengkapkan semua kriteria dan syarat-syarat diperlukan. Susulan daripada itu, permohonan tersebut telah disemak semula dan telah diluluskan oleh APAD pada Mesyuarat eJKP bertarikh 22 Mei 2025. Pihak SKS Coachbuilders Sdn. Bhd. kini boleh mencetak STK tersebut melalui Sistem iSPKP APAD mulai 23 Mei 2025.



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

APAD ingin menegaskan bahawa sebarang ketidakpatuhan terhadap kriteria dan syarat yang ditetapkan boleh menyebabkan permohonan permit atau lesen ditolak.

Sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam pengurusan sektor pengangkutan awam darat negara, APAD sentiasa komited dalam usaha menambah baik mutu penyampaian perkhidmatan pelesenan secara adil dan telus kepada semua pihak. Usaha ini adalah selaras dengan nilai-nilai teras Malaysia MADANI demi manfaat rakyat serta pembangunan sistem pengangkutan awam yang lebih cekap, efisien, selamat dan berdaya saing.

Oleh itu, semua pengendali dan syarikat yang menjalankan perkhidmatan pengangkutan awam dan barangan diingatkan agar sentiasa mematuhi kriteria serta syarat yang telah ditetapkan bagi mengelakkan kerugian kepada pihak pengendali dan kesan negatif kepada pengguna yang bergantung kepada pengangkutan awam sebagai mod pergerakan harian mereka.

Sekian.

###Tamat###

AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT (APAD)

26 Mei 2025
